

# Surat Kiriman Tidak Rasmi

Oleh Azmi Misron

Karangan jenis ini merupakan surat kiriman yang bersifat tidak rasmi ataupun hanya bersifat peribadi. Surat tersebut biasanya ditujukan kepada sahabat, ibu bapa ataupun kaum keluarga. Walau bagaimanapun, bahasa yang baku, tepat dan padat masih perlu digunakan untuk memastikan maksud surat tersebut ditulis dapat difahami oleh penerima.

⇒ Format tertentu perlu dipatuhi. Teliti format tersebut.

- **Alamat pengirim.**

(Ditulis di sudut sebelah kanan surat). Nama pengirim tidak perlu ditulis. Namun jika pelajar ingin menulis nama pengirim tidak menjadi apa-apa kesalahan. Jika tidak ditulis pada bahagian ini mesti ditulis pada bahagian tandatangan.

- **Tarikh.**

(Ditulis di bawah alamat pengirim)

- **Pembuka kata.**

Biasanya pembuka kata berbunyi demikian. "Menemui sahabatku, Amin, yang kini berada di Kuala Lumpur, semoga dalam keadaan sihat walafiat hendaknya". Pembuka kata bergantung kepada siapakah surat tersebut ditujukan. Kebiasaannya bertanyakan khabar penerima.

- **Kata ganti diri penerima.**

Biasanya, "Saudara", "Sahabatku", "Bonda" dan sebagainya mengikut kesesuaian.

- **Isi dan perkembangan isi.**

Setiap isi baru hendaklah ditulis dalam perenggan yang berlainan dan ditulis seperti menulis karangan jenis yang lain dengan menjarakkan sedikit dari tepi garisan pada baris pertama perenggan.

- **Penutup.**

Biasanya merupakan kata-kata, doa, harapan dan salam sejahtera daripada pengirim dan ucapan terima kasih.

- **Pengakuan pengirim.**

Ditulis mengikut kesesuaian penerima surat. Contohnya "Yang benar", "Sahabatmu", "Adindamu" dan sebagainya.

- **Tandatangan pengirim.**

Nama pengirim tidak perlu ditulis di bawah tandatangan sekiranya pada bahagian alamat telah ditulis nama.

⇒ Sekiranya surat tersebut ditujukan kepada ahli keluarga terdekat perkataan ganti nama seperti anakanda, ayahanda, bonda, adinda, bekanda, dan nenda perlu digunakan sebagai ganti nama bagi pengirim dan penerima.

### Kelemahan Pelajar Dalam Penulisan Surat Tidak Rasmi

1. Tidak menulis dalam format yang betul. Kebiasaannya pelajar meninggalkan bahagian tarikh ataupun menandatangani surat di sebelah kiri.
2. Tidak mengembangkan isi dengan jelas dan lengkap. Isi yang ditulis hanya secara ringkas dan menggabungkan beberapa isi dalam satu perenggan. Kebanyakan pelajar menganggap bahawa isi karangan telah dikembangkan sekiranya perenggan yang ditulis mengandungi lebih daripada 4 atau 5 ayat tanpa menyedari bahawa beberapa isi telah digabungkan dalam satu perenggan.
3. Tidak menggunakan kata panggilan yang betul bagi menggantikan kata ganti nama diri. Kadang kala bercampur aduk 'saya', 'aku', 'awak', 'engkau' dan sebagainya. Tidak konsisten menggunakan kata ganti nama diri.

### Karangan Contoh 1

**Soalan:**

*Anda mendapat tahu rakan baik anda telah beberapa kali ditangkap kerana menghisap rokok di kawasan sekolah dan telah diambil tindakan. Sebagai rakan baik, anda berasa bertanggungjawab untuk menasihatiinya agar rakan anda berubah sikap.*

*Tuliskan nasihat anda itu supaya rakan baik anda dapat mengubah tabiat buruknya itu.*

Soalan ini berkehendakkan pelajar menulis sebuah karangan

bertemakan nasihat yang harus diberi kepada seorang rakan baik yang terlibat dengan perbuatan melanggar peraturan sekolah iaitu menghisap rokok di dalam kawasan sekolah. Sebagai rakan, nasihat yang ditulis diharapkan dapat mengubah tabiat buruk yang dilakukannya. Nasihat yang diberi boleh merupakan kesan ataupun akibat buruk yang bakal menimpa sahabat karib anda jika dia tidak mengubah sikap buruknya. Selain itu, nasihat yang diberikan boleh juga merupakan panduan untuk menghentikan tabiat merokok.

Untuk memastikan nasihat yang diberikan berkesan, isi yang dikemukakan perlu dikembangkan dengan jelas. Ini boleh dilakukan dengan membuat huraian isi dalam empat ataupun lima ayat.

### Cadangan Isi

1. **Bahagian Pendahuluan**

- Pernyataan tentang tujuan nasihat.
- Sebagai sahabat, anda berasa bertanggungjawab untuk menegur kesilapan yang telah dilakukan oleh sahabat anda.

2. **Bahagian Isi dan perkembangan isi - Kesan ataupun keburukan merokok.**

i. Masalah kesihatan

- ⇒ Boleh menyebabkan penyakit berbahaya - kanser ataupun batuk yang berpanjangan.
- ⇒ Menjejaskan kesihatan - tidak sesuai bagi seorang pelajar menghisap rokok.

ii. Masalah persekolahan

- ⇒ Jika terus merokok di kawasan sekolah, mungkin akan dibuang sekolah ataupun digantung persekolahan.
- ⇒ Akan menjelaskan masa depan.

iii. Terjerumus ke lembah penagihan dadah

- ⇒ Boleh mendorong kepada penagihan dadah.
- ⇒ Sukar berubah jika telah terlibat dengan dadah
- ⇒ Mengubah sikap sementara belum terlewati

iv. Mengkhianati kepercayaan dan harapan ibu bapa.

- ⇒ Membazirkan wang yang diberikan oleh ibu bapa.

3. **Penutup:**

- Harapan agar sahabat anda berubah sikap demi masa depan.
- Harapan agar nasihat yang diberi tidak disalah anggap ataupun dianggap 'menjaga tepi kain orang'.

### Contoh Karangan Lengkap

Teliti contoh karangan lengkap di bawah yang dikemukakan dalam bentuk karangan surat kiriman tidak rasmi.

No. 337, Jalan Wellman,  
Taman Rawang Jaya,  
48000 Rawang,  
Selangor Darul Ehsan.

11 APRIL 2006

Ke hadapan sahabatku Abdul Habib yang kini berada di Kampung Kenanga dengan irungan doa semoga sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera di samping keluarga tercinta.

Sahabatku,

Apa khabar sekarang? Saya di sini sentiasa sihat. Diharapkan saudara begitu juga hendaknya. Sebenarnya tujuan saya mengutuskan surat ini adalah dengan tujuan untuk mengetahui cerita sebenar tentang peristiwa yang menimpa saudara baru-baru ini. Saya mendapat tahu saudara telah beberapa kali ditangkap oleh pihak sekolah kerana menghisap rokok di kawasan sekolah. Saya berasa amat terkejut apabila mendapat tahu cerita ini daripada sahabat kita iaitu Muslimin. Sebagai sahabat karib saya berasa terpanggil untuk memberi nasihat kepada saudara demi kebaikan saudara pada masa depan. Janganlah nanti "sudah terhantuk baru tengadah".

Sahabatku, merokok bukanlah suatu perbuatan yang baik kepada kesihatan kita, apatah lagi kita sebagai pelajar sekolah. Merokok bukannya boleh menyebabkan beberapa penyakit berbahaya seperti kanser, malahan saudara juga mungkin akan menghadapi penyakit batuk yang berpanjangan dan sukar untuk sembuh. Tambahan pula, tabiat merokok yang saudara amalkan juga akan menjelaskan kesihatan saudara bagi jangka masa

panjang. Bukanakah saudara sudah mengetahui perkara ini semasa mengikuti pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan yang saudara ikuti di sekolah?

Saudara Habib, jika saudara terus dengan perbuatan salah yang saudara lakukan, lambat laun pihak sekolah akan mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap saudara. Saudara mungkin akan digantung persekolahan bagi jangka masa tertentu ataupun lebih buruk lagi, saudara boleh dibuang daripada persekolahan. Perkara ini sudah pasti akan menjelaskan masa depan saudara nanti dan tentunya akan mengecewakan harapan ibu bapa saudara. Saya pasti saudara sedia maklum dengan perkara ini kerana saudara telah diberitahu tentang peraturan-peraturan sekolah yang mesti dipatuhi. Saudara perlu ingat bahawa "sesal dahulu pendapat, sesal kemudian tidak berguna".

Sahabatku, jika saudara tidak menghentikan perbuatan merokok dengan segera, saya bimbang lama kelamaan saudara akan terlibat pula dengan gejala penagihan dadah. Hal ini disebabkan merokok merupakan langkah pertama seseorang itu terlibat dengan gejala penagihan dadah apabila merokok tidak dapat memberikan kepuasan kepada saudara. Jika perkara buruk ini berlaku kepada saudara, ketika itu segala-galanya sudah terlewati untuk saudara mengubah sikap. Saya berharap saudara dapat segera menghentikan tabiat itu sebelum 'nasi menjadi bubur'.

Saudara, perbuatan yang saudara lakukan bukan sahaja melanggar peraturan sekolah, malahan juga merupakan suatu perbuatan yang membazir kerana menggunakan wang yang diberikan oleh ibu bapa saudara pada tempat yang tidak sepatutnya. Bukan itu sahaja, saudara telah mengkhianati amanah yang dipertanggungjawabkan kepada saudara. Bukanwang yang diberikan untuk keperluan pelajaran saudara? Bukanwang untuk digunakan pada tempat yang tidak berfaedah sebagaimana yang saudara lakukan sekarang. Saya percaya jika ibu bapa saudara mengetahui perkara ini, mereka pasti amat kecewa dengan sikap saudara.

Sahabatku Abdul Habib, sebelum saya mengundur diri, terlebih dahulu saya memohon maaf sekiranya surat saya kali ini agak 'keras'. Saya berbuat demikian untuk kebaikan saudara juga. Saya amat berharap saudara dapat mengubah tabiat buruk saudara sebelum terlambat. Semua ini perlu saudara lakukan demi masa depan saudara sendiri. Tiada sesiapa yang dapat mengubah nasib kita melainkan kita sendiri. Sekali lagi saya amat berharap agar saudara tidak menganggap nasihat saya ini sebagai 'menjaga tepi kain' saudara. Saya berbuat demikian atas nama sebagai sahabat sejati yang tidak mahu melihat saudara kecundang suatu hari nanti.

Sekian, terima kasih

Sahabatmu,

Sazali  
(SAZALI MADON)

### Soalan Latihan

Sebagai latihan, tulis karangan lengkap sebagaimana karangan contoh yang diberikan berdasarkan cadangan isi yang telah diberikan.

### Latihan 1

Salah seorang rakan anda telah ditangkap oleh pihak polis kerana terlibat dalam perlumbaan motosikal secara haram.

Tulis sepuak surat kepada rakan anda itu untuk menasihatinya agar mengubah sikap dan menghentikan perbuatannya yang berbahaya itu. Tulis surat anda selengkapnya.

### Latihan 2

Anda mendapat tahu salah seorang rakan baik anda menghadapi masalah kewangan sehingga memaksanya bertindak menamatkan persekolahannya.

Tulis sepuak surat kepada rakan anda itu dengan menyatakan nasihat yang dapat mengubahnya agar menarik niatnya kembali untuk berhenti sekolah.